

## Bahagian A

[ 20 markah ]

Jawab semua soalan.

## **Soalan 1 hingga Soalan 20**

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan **A**, **B**, **C** dan **D**. Hitamkan jawapan yang tepat pada ruangan jawapan yang disediakan.

1. Berikut manakah yang benar mengenai syirik

  - A Tidak percaya kepada Allah Taala
  - B Mengingkari ajaran yang disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW
  - C Permintaan dan perlindungan kepada sesuatu selain Allah Taala
  - D Menyekutukan Allah Taala dengan sesuatu pada zat, sifat dan perbuatan-Nya

- Sentiasa berdusta
  - Memungkiri janji
  - Mengkhianati amanah yang diberi

2. Amalan di atas ialah contoh

  - A Khurafat
  - B Syirik
  - C Nifak
  - D Sihir

3. Pernyataan berikut adalah tanggungjawab anak terhadap ibu bapa **kecuali**

  - A Berbuat baik kepada mereka walaupun berlainan agama
  - B Mentaati perintah mereka walaupun bertentangan dengan Islam
  - C Menunaikan wasiat mereka
  - D Menjaga kebijakan mereka

4. Berikut adalah cara untuk memelihara akidah supaya tidak terpengaruh dengan ajaran sesat

  - i Mempelajari asas akidah dengan ulamak yang muktabar
  - ii Mencintai Allah dan Rasul lebih daripada yang lain
  - iii Melaksanakan segala perintah Allah Taala
  - iv Mengasihi sesama manusia kerana Allah Taala

A	i dan iii	C	ii dan iii
B	i dan ii	D	iii dan iv

- Beriktikad bahawa pelaku dosa besar adalah kafir
- Mengkafirkkan golongan Islam yang tidak sealiran dengan mereka
- Membataskan sumber syariat Islam hanya kepada al Quran sahaja

5. Pernyataan di atas adalah berkaitan dengan golongan

- A Ahli Sunnah Waljamaah
- B Khawarij
- C Syiah Imamiyyah
- D Bahai

Amalan yang wajib dilakukan oleh setiap jemaah haji yang mengerjakan ibadat haji. Jika tertinggal salah satunya, haji sah namun dikenakan dam

6. Pernyataan di atas adalah merujuk kepada

- A Perkara rukun haji
- B Perkara sunat haji
- C Perkara wajib haji
- D Haji ifrad

7. Yang manakah antara berikut, bukan larangan ketika ihram bagi jemaah haji wanita semasa menuaikan ibadat haji

- A Memotong kuku
- B Menutup muka dan dua tapak tangan
- C Berburu binatang darat
- D Memakai pakaian berjahit

- Menggunakan alat atau pisau yang tumpul
- Tidak membaca basmalah

8. Pernyataan di atas berkaitan dengan hukum dalam ibadat sembelihan iaitu

- A Makruh
- B Sunat
- C Haram
- D Wajib

9. Antara prinsip-prinsip insuran termasuklah
- i Tiada unsur gharar pada bayaran manfaat
  - ii Tiada jaminan kepada ahli yang ditimpa masalah
  - iii Bertujuan memberi keuntungan yang saksama kepada ahli
  - iv Pihak insuran dapat mengambil faedah yang lumayan daripada ahli
- A i dan ii  
B ii dan iii  
C i dan iii  
D iii dan iv
10. Mengapa Islam mengharuskan seseorang lelaki melihat bakal isterinya
- i Supaya berpuas hati dengan pilihan yang dibuat
  - ii Dapat membuat keputusan yang cepat
  - iii Dapat menilai dengan calon yang lain
  - iv Dapat mengelak berlaku penipuan
- A i dan ii  
B i dan iv  
C ii dan iii  
D iii dan iv
11. Yang berikut adalah sebab yang mengharuskan seseorang isteri menuntut fasakh **kecuali**
- A suami hilang
  - B suami melakukan kezaliman
  - C suami tidak memberi nafkah
  - D suami berkahwin lain
12. "*Aku talak engkau dengan bayaran sebanyak RM5 ribu*"  
Pernyataan di atas merujuk kepada
- A Khuluk
  - B Talak
  - C Fasakh
  - D Li'an


13. Yang berikut adalah pernyataan mengenai Ibnu Khaldun
- i Pernah memegang jawatan sebagai Ketua Hakim Negara
  - ii Mencipta bahan-bahan sejarah untuk kajian sejarawan selepasnya
  - iii Mengemukakan idea-idea tentang pembinaan sesebuah tamadun
  - iv Belajar kesusasteraan arab dengan al-Syeikh Muhammad
- A i, ii dan iii  
B i, ii dan iv  
C i,iii dan iv  
D ii, iii dan iv
14. Saidina Uthman Bin Affan digelar Zunurain kerana
- A Menantu kesayangan Rasulullah SAW
  - B Beliau telah mengahwini dua orang puteri Rasulullah SAW
  - C Beliau tidak pernah menyembah berhala
  - D Beliau dijamin syurga oleh Rasulullah SAW
15. Dewan atau jabatan ini ditubuhkan bagi menguruskan hal ehwal ketenteraan pada zaman kerajaan Umayyah. Dewan tersebut dikenali
- A Dewan al- Jund
  - B Dewan al-Kharaj
  - C Baitul Hikmah
  - D Baitul Mal
16. *"Ialah Perdana Menteri yang bertindak sebagai ketua pentadbir yang dibantu menteri-menteri dan jabatan-jabatan kerajaan "*
- Pernyataan di atas merujuk kepada jawatan pada zaman kerajaan Abbasiah iaitu
- A Khalifah
  - B Pegawai kerajaan
  - C Gabenor
  - D al-Wazir

- Berdasarkan syariat Islam
- Mengetahui batasan dan kemampuan akal
- Mengetahui risiko yang akan berlaku


17. Pernyataan di atas merujuk kepada adab
- A berjihad  
B berfikir  
C berzikir  
D bermuhasabah
18. Antara berikut yang manakah contoh aktiviti rekreasi pasif
- i Bersiar-siar  
ii Mendaki bukit  
iii Berkelah  
iv Menunggang kuda
- A i dan ii  
B ii dan iii  
C ii dan iv  
D i dan iii
19. Pernyataan di atas merujuk kepada peringkat jihad
- A Menghapuskan kemungkaran  
B Menghapuskan kezaliman  
C Memperbaiki diri  
D Melawan syaitan
20. Pernyataan manakah yang menerangkan tentang adab-adab memberi hadiah atau sedekah
- i Niat ikhlas  
ii Memberi barang yang disayangi  
iii Dilakukan di depan orang ramai  
iv Tidak mengungkit pemberian
- A i,ii dan iv  
B i,ii dan iii  
C ii,iii dan iv  
D i, iii dan iv

**Soalan 21 hingga Soalan 28***Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.*

21. Maksud \_\_\_\_\_ ialah kepercayaan dan perbuatan karut yang dianggap mempunyai hubungan dengan Islam sedangkan pada hakikatnya bertentangan dengan konsep tauhid dan syariat Islam.



22. P dalam rajah di atas ialah \_\_\_\_\_
23. Antara kesan kemanisan iman ialah \_\_\_\_\_ sesama manusia hanya kerana Allah SWT.



24. Q dalam rajah di atas ialah \_\_\_\_\_
25. Pengetahuan yang lengkap tentang asas-asas Ahli Sunnah Wal Jamaah dapat membantu seseorang membezakan antara kebenaran dan \_\_\_\_\_

- Boleh dirujuk semasa dalam iddah
- Tidak perlu akad dan mahar baru.

26. Pernyataan di atas merujuk kepada talak \_\_\_\_\_

27. Antara ciri keadilan dalam berpoligami meliputi hak makan minum, pakaian, tempat tinggal dan \_\_\_\_\_

Menyembelih ketika matahari sedang naik

Daging dimasak manis

Tidak mematah-matahkan tulang binatang  
sembelihan.

28. Pernyataan di atas merujuk kepada sunat-sunat \_\_\_\_\_

### **Soalan 29 hingga 32**

*Isi tempat kosong dengan memilih jawapan yang disediakan.*

Wajib	Sunat Muakkad	Haram	Makruh	Sunat

29. Isteri \_\_\_\_\_ dihukum rejam jika enggan bersumpah li'an untuk menolak tuduhan zina daripada suaminya.

30. Hukum melakukan korban adalah \_\_\_\_\_ bagi orang Islam yang berkemampuan.

31. \_\_\_\_\_ mengabaikan tanggungjawab Hadhanah terhadap anak yang belum mampu berdikari.

32. Memakai pakaian ihram berwarna putih adalah \_\_\_\_\_
33. “*Beliau lahir pada tahun 980 Masihi di Turkistan. Dikenali di Barat sebagai Avicenna dan merupakan tokoh perubatan yang tersohor*”  
Tokoh yang dimaksudkan di atas ialah \_\_\_\_\_
34. Perkembangan ilmu zaman Bani Umayyah dalam pelbagai bidang yang meliputi kegiatan penulisan, pembukuan dan pembinaan perpustakaan telah mewujudkan beberapa disiplin ilmu yang dikenali sebagai \_\_\_\_\_
- Beliau dapat mengerjakan solat 300 rakaat sehari. Setelah dijatuhi hukuman beliau hanya mampu menuaikan solat 150 rakaat sahaja....*
35. Pernyataan di atas merujuk kepada Imam \_\_\_\_\_
36. Antara peranan Khalifah Abbasiah dalam memajukan sains dan teknologi ialah mengadakan seminar \_\_\_\_\_ pada setiap musim haji.
37. Ucapan \_\_\_\_\_ kepada keluarga jenazah boleh dilakukan dalam tempoh tiga hari.
38. Tidak mengucapkan \_\_\_\_\_ ketika nama Nabi Muhammad SAW disebut adalah tingkah laku yang tidak beradab terhadap baginda.
39. Menyediakan bekalan secukupnya, solat musafir, dan memohon petunjuk Allah SWT adalah merupakan sebahagian adab-adab \_\_\_\_\_ musafir.
40. Jihad yang paling utama dalam Islam ialah perjuangan menegakkan Islam dengan mengorbankan \_\_\_\_\_ dan nyawa.

**Bahagian B**  
[60 markah]

*Jawab tiga soalan*

*Jawab Soalan 1, Soalan 2 dan mana-mana satu soalan daripada Soalan 3 atau Soalan 4.*

1 (a) Sebagai seorang muslim kita digalakkan bertaubat kepada Allah

- |       |  |            |
|-------|--|------------|
| (i)   | Nyatakan maksud taubat   | [2 markah] |
| (ii)  | Jelaskan <b>dua</b> syarat taubat.   | [4 markah] |
| (iii) | Terangkan perbezaan antara orang yang bertaubat dengan orang yang tidak bertaubat. | [4 markah] |

(b) Syiah Zaidiah merupakan ajaran sesat yang bertentangan dengan ajaran al-Quran dan as-Sunnah.

- |       |  |            |
|-------|--|------------|
| (i)   | Siapakah pengasas Syiah Zaidiah  | [2 markah] |
| (ii)  | Jelaskan <b>dua</b> pegangan Syiah Zaidiah                             | [4 markah] |
| (iii) | Terangkan <b>dua</b> langkah membendung ajaran syiah dalam masyarakat. | [4 markah] |

2 (a) Hukum sembelihan binatang yang halal dimakan ialah wajib dengan tujuan untuk dimakan dagingnya

- |       |  |            |
|-------|--|------------|
| (i)   | Nyatakan <b>dua</b> rukun sembelihan                 | [2 markah] |
| (ii)  | Senaraikan <b>dua</b> syarat sah binatang sembelihan | [2 markah] |
| (iii) | Jelaskan <b>dua</b> hikmah sembelihan                | [4 markah] |

(b) Nusyuz ialah perbuatan yang diharamkan oleh syarak

- |      |   |            |
|------|---|------------|
| (i)  | Apakah maksud nusyuz  | [2 markah] |
| (ii) | Terangkan <b>dua</b> perkara yang boleh membawa kepada nusyuz | [4 markah] |

- (c) (i) Nyatakan **dua** tanggungjawab ibubapa sebelum kelahiran anak [2 markah]

Ibu bapa wajib melaksanakan tanggungjawab mendidik anak-anak . Tanggungjawab ini akan dipersoalkan pada hari akhirat.

- (ii) Pada pandangan anda, apakah yang akan berlaku jika ibubapa tidak melaksanakan tanggungjawab mendidik anak-anak dengan sempurna [4 markah]

- 3 (a) Kerajaan Bani Umayyah sangat mengambil berat tentang pertahanan negara.

- (i) Nyatakan peranan khalifah dalam organisasi ketenteraan . [2 markah]

- (ii) Jelaskan perbezaan ketenteraan zaman Umayyah dan Khulafa ar-Rasyidin [4 markah]

- (b) Sayyid Jamaluddin al-Afghani banyak merantau untuk menyebarkan idea Islah

- (i) Nyatakan riwayat hidup beliau [2 markah]

- (ii) Jelaskan bentuk *Islah* yang dibawa oleh Sayyid Jamaluddin al-Afghani [2 markah]

- (c) Senyuman merupakan satu sedekah dan akan merapatkan hubungan silaturrahim sesama manusia.

- (i) Nyatakan **dua** jenis sedekah selain senyuman [2 markah]

- (ii) Terangkan **dua** adab memberi hadiah dan sedekah [4 markah]

Amalan sedekah membawa keberkatan hidup

- (iii) Beri hujah anda untuk menyokong pernyataan di atas [4 markah]

- 4 (a) Perkembangan ekonomi yang kukuh pada zaman kerajaan Bani Abbasiah telah menjadikan Baghdad tumpuan para pedagang.
- (i) Nyatakan **dua** daripada sektor ekonomi Kerajaan Bani Abbasiah [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** usaha yang dilakukan oleh kerajaan Abbasiah untuk memajukan sektor perdagangan . [4 markah]
- (b) Imam Bukhari rahimahullah adalah tokoh hadis terkenal.
- (i) Nyatakan karya terkenal Imam Bukhari. [2 markah]
- (ii) Jelaskan bukti kegigihan Imam Bukhari dalam mengumpul hadis [2 markah]
- (c) (i) Nyatakan amalan berhias diri yang dilarang bagi lelaki. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** akibat tidak mementingkan kekemasan diri [4 markah]
- (iii) "Islam tidak melarang umatnya berfesyen tetapi hendaklah bertepatan dengan syarak".  
Kemukakan hujah anda bagi menyokong pernyataan di atas [4 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**



